INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA



LAPORAN 2023

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

LAPORAN 2023

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

Hak Cipta Terpelihara ©2021 Institut Masa Depan Malaysia (PPAB-03/2019)
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Institut Masa Depan Malaysia.

ISI KANDUNGAN

Sekapur Sirih

- Prakata Pengerusi MASA 1
- Tinta Ketua Pegawai Eksekutif MASA 3

Sekilas Pandang

- Tentang MASA 7
- Organisasi MASA 9

Bahagian Perkhidmatan Korporat

- Pengenalan 19
- Penstrukturan Semula MASA 20

Bahagian Dasar & Penyelidikan

- Pengenalan 23
- Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 24
- Projek Penyelidikan: Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (ESCR) 29
- Projek Penyelidikan: Dinamika Persepsi Masyarakat 31
- Program Felo MASA 2022/2024 32
- Tinjauan Penyelidikan & Pembentangan 32
- Penerbitan - Jurnal & E-Prosiding 35

Bahagian Komunikasi Strategik & Pengurusan

- Pengenalan 41
- Senarai penulisan artikel/ rencana 2023 43
- Kenyataan media 53
- Liputan berita 54
- Program Jelajah Advokasi MASA 57
- Masa dalam media luar negara dan jurnal universiti 58
- Menjaring hubungan 59
- Memorandum Persefahaman 60
- Kunjungan hormat 61
- Penerbitan buku 64
- Pengurusan Program 65
- PEMACU 67





SEKAPUR SIRIH

PRAKATA PENGERUSI MASA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Tahun 2023 bagi saya tahun yang cukup mencabar bagi kita semua. Jika pada 2022, kita berhadapan dengan fasa pemulihan pandemik COVID-19, tahun ini pula kita diuji dengan cabaran ketidaktentuan ekonomi global yang turut memberi kesan besar kepada negara ini.

Kesan paling jelas ialah peningkatan kos sara hidup rakyat berikutan kenaikan berterusan harga barang keperluan harian dan kos perkhidmatan serta isu keselamatan dan keterjaminan makanan negara.

Dalam hal ini, saya mengalu-alukan penglibatan MASA dalam penyelidikan berkaitan isu-isu di atas menerusi program *flagship* MASA Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) yang sudah memasuki tahun ketiga tahun ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada MASA kerana merintis dan mempelopori penyelidikan dasar di negara ini.

Sejak dimulakan dua tahun lalu iaitu pada September 2021, program MPDP terus mendapat sambutan hangat malah untuk tahun ini sahaja sejumlah 254 kertas cadangan diterima daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Daripada jumlah tersebut, saya difahamkan sebanyak 27 ringkasan polisi yang merupakan cadangan input kepada pihak kerajaan berjaya dihasilkan oleh penerima MPDP kohort kedua tahun ini.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada MASA atas kejayaan menjalankan projek penyelidikan Dinamika Persepsi Masyarakat bagi memberi pendedahan dan memperkasakan kemahiran para penyelidik MASA.

Projek ini juga membolehkan MASA mempunyai pangkalan data *premier* dan tidak perlu bergantung kepada vendor luar lagi.

> Melihat kepada kejayaan MASA dalam tempoh lima tahun ditubuhkan, saya percaya MASA mampu menjadi sebuah badan pemikir bebas yang disegani dalam menghasilkan kajian dan penyelidikan bermutu tinggi.



Saya difahamkan hasil dapatan data kajian spesifik tersebut telah diterbitkan dalam bentuk penulisan akademik oleh ISEAS - Institut Yusof Ishak Singapura.

Melihat kepada kejayaan MASA dalam tempoh lima tahun ditubuhkan, saya percaya MASA mampu menjadi sebuah badan pemikir bebas yang disegani dalam menghasilkan kajian dan penyelidikan bermutu tinggi.

Syabas dan tahniah kepada seluruh Ahli Lembaga Pemegang Amanah, pengurusan dan warga MASA yang sentiasa berusaha keras bagi memastikan kejayaan MASA.

YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN
Pengasas dan Pengerusi MASA

TINTA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MASA

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dapat menukilkan mukadimah untuk laporan tahunan Institut Masa Depan Malaysia (MASA) 2023.

Sambil kita merenung pencapaian tahun lalu, saya berbesar hati untuk berkongsi kemajuan yang telah dicapai oleh warga kerja MASA dalam mencapai misi kami untuk memacu pembangunan dasar yang berkesan dan kecemerlangan penyelidikan di Malaysia.

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) merupakan program teras kami, yang kini memasuki tahun kedua dan telah menghasilkan 57 taklimat dasar mengenai topik yang pelbagai dan penting mulai daripada kebimbangan eko dan perubahan iklim kepada membentuk dasar keterjaminan makanan negara dan transformasi perniagaan digital.

Pencapaian ini menyerlahkan dedikasi kami untuk memupuk dialog berilmu dan melaksanakan perubahan ketara dalam bidang kepentingan negara, selaras dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 atau WKB 2030.

Dalam hal ini, para penganalisis penyelidikan kami memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada wacana ilmiah, dengan banyak penerbitan muncul dalam jurnal berprestij dan saluran berita arus perdana.

Kepakaran rakan penyelidik dan rakan sekutu kami diiktiraf secara meluas, dengan petikan dan rujukan yang kerap daripada agensi berita dan institusi akademik terkemuka, mengukuhkan lagi komitmen kami untuk memacu kemajuan sebagai institusi pemikir yang disegani.

Pada 2023, MASA memperkukuh usaha kerjasama dengan menandatangani tiga Memorandum Persefahaman (MoU) dengan rakan strategik yang dihormati, termasuk CENPRIS, Universiti Sains Malaysia (USM), Pertubuhan Belia ASEAN (AYO) dan *Indonesia Strategist*.

Perkongsian ini menandakan komitmen kami untuk memupuk kerjasama penyelidikan sinergi yang merentasi sempadan dan memacu impak bermakna pada skala serantau, selaras dengan semangat kerjasama yang menjadi salah satu teras objektif penubuhan MASA.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi kami yang dihormati, YB Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, yang kepimpinan berwawasannya terus membimbing MASA ke arah kecemerlangan yang baharu. Sokongan beliau dan ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah yang tidak berbelah bahagi menggariskan peranan penting MASA dalam membentuk trajektori masa depan Malaysia, berpandukan prinsip keterangkuman dan kemakmuran bersama untuk Malaysia yang lebih sejahtera, berintegriti dan maju dalam segenap aspek.



Memandang ke hadapan, saya sentiasa yakin MASA akan terus tumbuh dan berkembang dengan impak berterusan.

Adalah menjadi aspirasi besar saya mahu melihat MASA terus meningkatkan keupayaan penyelidikan dan melaksanakan inisiatif penyelidikan berkualiti tinggi yang dapat menangani cabaran kontemporari yang mendesak pada hari ini sambil membuka jalan untuk hari esok yang lebih cerah, insya-Allah.

Akhir kalam, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak berkepentingan, rakan kongsi, dan ahli pasukan yang berdedikasi yang telah menyumbang tanpa jemu kepada kejayaan MASA. Bersama-sama, marilah kita maju ke hadapan dengan semangat yang diperbaharui semasa kita memulakan perjalanan ke arah masa depan yang lebih makmur dan mampan untuk Malaysia, berpandukan prinsip Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

AZRIL MOHD AMIN
Ketua Pegawai Eksekutif MASA





SEKILAS PANDANG

Tentang MASA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA) telah ditubuhkan pada Januari 2019. Penubuhan organisasi ini telah diilhamkan dan diberi mandat oleh Perdana Menteri Ketujuh, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin.

MASA merupakan sebuah badan pemikir bebas yang menggabungkan pakar-pakar dalam kerajaan dan akademik untuk melakukan penyelidikan, memberikan cadangan dasar dan analisis yang berkualiti tentang pelbagai isu dasar awam yang dipandu oleh nilai-nilai kemakmuran bersama.

Penubuhan MASA ditunjangi atas dasar membantu kerajaan membangunkan dan memperkasakan hala tuju negara terutama dalam memperkukuhkan dasar dan polisi yang sedang dan bakal direncanakan oleh kerajaan Malaysia, termasuklah kajian-kajian sosiobudaya dan sosioekonomi serantau.

OBJEKTIF

01 Memantau dan Menganalisis



Memantau dan menganalisis situasi dan data ekonomi, perniagaan, industri dan indikator sosial untuk Malaysia, khususnya Bumiputera serta keberkesanan penghasilan institusi dan polisi.

02 Menasihati dan Memudah Cara



Menasihati dan memudah cara langkah penyelesaian, inisiatif dan polisi berkait perkara-perkara ekonomi dan sosial untuk pihak-pihak berkepentingan termasuk Bumiputera serta bekerjasama dengan kepimpinan organisasi di peringkat antarabangsa, serantau dan nasional.

03 Menggembleng dan Menggerakkan



Menggembleng dan menggerakkan segala sumber, upaya, jaringan dan inisiatif bagi menjayakan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) bagi menambah baik status Malaysia di peringkat antarabangsa.

WAWASAN

Untuk menjadi peneraju pemikiran idea dasar dan analisis yang berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama.

MATLAMAT

Untuk mewujudkan dunia di mana tiada siapa yang ketinggalan dengan menggalakkan pembuat dasar membangunkan dasar-dasar yang dipacu data bagi memastikan kesaksamaan dalam pengagihan kekayaan serta penambahbaikan berterusan kesejahteraan rakyat.

ORGANISASI MASA



YB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN HAJI MOHD YASSIN
Pengasas dan Pengerusi



YABHG. TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengasas

Ahli Lembaga Pemegang Amanah

Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) MASA telah diamanahkan untuk memastikan setiap objektif penubuhan terlaksana, termasuklah menjayakan aktiviti-aktiviti MASA secara lestari dan berterusan.

Pada tahun 2023, LPA MASA telah meluluskan penyambungan kontrak perkhidmatan bagi YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nardin Haji Awang (bermula 10 Disember 2023 sehingga 9 Disember 2026) dan YBrs. Mohd Hashrizal Zainol Haris (bermula 20 November 2023 sehingga 19 November 2026).

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob pula menamatkan perkhidmatan beliau sebagai ahli LPA. MASA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan cemerlang YBhg. Tan Sri sebagai ahli LPA MASA selama tiga tahun bermula 10 Disember 2020 sehingga 9 Disember 2023.



YB DATUK DR. MOHD RADZI MD JIDIN



TAN SRI DATO' SERI DR. SULAIMAN MAHBOB



DATUK SERI HAJI MOHD NARDIN HAJI AWANG



DATUK DR. MARZUKI MOHAMAD



MOHD HASHRIZAL ZAINOL HARIS

Program Felo

Program Felo telah diperkenalkan pada Mac 2021 selepas mendapat persetujuan ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) MASA.

Program ini bertujuan membolehkan para penyelidik MASA mendapatkan khidmat nasihat secara langsung dalam bidang penyelidikan masing-masing melalui siri wacana, perbincangan kumpulan berfokus (FGD), bengkel atau penyediaan modul.

Felo MASA juga berfungsi bagi mewakili MASA apabila diperlukan, pada mesyuarat/persidangan luar, menyumbang penerbitan/pembentangan dalam bentuk artikel akhbar, kertas/ringkasan dasar, taklimat dasar, ruangan komen, kertas pendapat, video, *podcast*, dan lain-lain, menjadi penceramah/panelis dalam webinar; atau menyediakan modul latihan/bengkel.

Program Felo MASA 2022/2024 telah diteruskan dengan pengenalan dua kategori baharu, iaitu Felo Kehormat dan Ahli Bersekutu, sebagai tambahan kepada Felo MASA.

Kini, Program Felo MASA terdiri daripada 12 Felo Kehormat, sembilan Felo dan 18 Ahli Bersekutu merangkumi pelbagai bidang kepakaran. Profesor Madya Dr. Firdausi Suffian dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sabah telah dilantik sebagai Felo berkuat kuasa 1 Mei 2023 bagi tempoh dua tahun.

Felo Kehormat



YB SENATOR PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN



PROFESOR ULUNG DATO' DR. RAJAH RASIAH



PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK



PROFESOR EMERITUS DATUK DR. TEO KOK SEONG

Felo Kehormat



PROFESOR EMERITUS
DATUK DR. NORMA MANSOR



PROFESOR EMERITUS
DR. JAMAL OTHMAN



PROFESOR EMERITUS DATUK
DR. AZIZAN BAHARUDDIN



PROFESOR KEHORMAT (UNIMAS)
DATO' DR. MADELINE BERMA



PROFESOR MADYA DR. MOHAMED
AZAM MOHAMED ADIL



DATO' SRI DR. MOHD UZIR
MAHIDIN



DATUK DR. HABIBAH
ABDUL RAHIM



DR. MOHAMED RAIS
SANIMAN

Felo



PROFESOR DR. FATIMAH KARI



PROFESOR DR. NIK MERIAM NIK SULAIMAN



PROFESOR DR. WAN AHMAD AMIR ZAL WAN ISMAIL



PROFESOR MADYA TS. DR. JESSICA ONG HAI LIAW



DATUK TS. DR. RAMZAH DAMBUL



PROFESOR MADYA DR. FIRDAUSI SUFFIAN



TPR. NORLIZA HASHIM



DR. SHANKARAN NAMBIAR



ZARA PHANG

Ahli Bersekutu



PROFESOR MADYA DR. ZEEDA FATIMAH MOHAMED



PROFESOR MADYA DR. ZUL ILHAM ZULKIFLEE LUBES



PROFESOR MADYA DR. KUMARA THEVAN KRISHNAN



PROFESOR MADYA DR. SARA CHINNASAMY



IBRAHIM SUFFIAN



MOHD IZZAT AFIFI ABDUL HAMID



ASHWAD ISMAIL



CHAN SOON SENG



ERHANFADLI MOHD AZRAI

Ahli Bersekutu



NUR FITRI AMIR MUHAMMAD



MOHD ISMAIL ADNAN



AFFAN NASARUDDIN



ROSHAN NIGEL MIRANDA



THARMA PILLAI



SHARIFAH NORIZAH SYED AHAMAD KABEER



RACHAEL FRANCIS



ELISA SHAFIQAH SHAHRILNIZAM



SITI AISHAH HASSAN HASRI

SEKILAS PANDANG



PEJABAT KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT

01 **AZRIL MOHD AMIN**
Ketua Pegawai Eksekutif

02 **MOHAMED AZMI MOHD RASHEED KHAN**
Ketua Bahagian Perkhidmatan Korporat

03 **MUHAMMAD FIKRI FARUDIN**
Eksekutif Bahagian Perkhidmatan Korporat

04 **ZAINAL IZZUDDIN ZAINAL RAHIM**
Kakitangan Sokongan
Bahagian Perkhidmatan Korporat

05 **MOHD ARIF KAMARUDDIN**
Kakitangan Sokongan
Bahagian Perkhidmatan Korporat

BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN

06 **DR. KHALID ABDUL HAMID**
Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan

07 **KHAIRUL SYAKIRIN ZULKIFLI**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

08 **MOHD NOOR MUSA**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

09 **SIM WHY JEAN**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

10 **MUHAMMAD NUR ANAS ROSLI**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

11 **MARYAM HUSNA MAZNORZUHAIRI**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

12 **ADRIANA ASMAA' MOHD EZANEE**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

13 **MOHAMMAD ZULHAFIY ZOL BAHARI**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

14 **MUHAMMAD AINUL HAKIM NORAZMI**
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

15 **NUR ZALIKHAA' ZAINAL ABIDIN**
Penganalisis Penyelidikan (Sementara),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

16 **MASHITAH FISAL**
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

17 **NUR ASYURA ABDUL HALIM**
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

18 **NUR SOLEHA ILYANA M YUSSOP**
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan



19 **CHIENG CHUI CHEE**
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

20 **DAFIZRUL AZALI DAUD**
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan



AHMAD REDZUAN MOHAMED SHAFI
Penganalisis Penyelidikan,
Bahagian Dasar dan Penyelidikan



EZRIN MARISSA RAMLAN
Penganalisis Penyelidikan (Pelatih),
Bahagian Dasar dan Penyelidikan

BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK DAN PENGURUSAN

21 **MARHAINI KAMARUDDIN**
Ketua Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

22 **ROZAMAN ISMAIL**
Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

23 **HAMIDAH ATAN**
Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

24 **LILI FARIZA ARIFFIN**
Pengurus Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

25 **MOHD SYAFIQ FIRDAUS MOHD SAYUTI**
Pengurus Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

26 **NIK AMIN NIK HUSIDEEN**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

27 **AYOB HASSAN**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

28 **NURUL HAZIRAH KAMARUDDIN**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

29 **NURUL AQILAH AZMAN**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan

30 **MUHAMMAD FADZIL ANIF**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan (Sementara)

31 **LIWANI CHE LONG**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan (Sementara)

32 **AHMAD FAISAL RAMLI**
Eksekutif Bahagian Komunikasi
Strategik dan Pengurusan (Sementara)





BAHAGIAN PERKHIDMATAN KORPORAT

Pengenalan

Bahagian Perkhidmatan Korporat (BPK) melaksanakan pelbagai peranan dalam memberikan khidmat sokongan kepada urusan harian organisasi. Ini termasuk pengendalian pejabat Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dengan mengurus komunikasi dan penjadualan bagi memastikan pejabat CEO beroperasi dengan cekap.

Bahagian ini turut mengawasi pentadbiran MASA berkaitan operasi harian, pengurusan logistik, bekalan pejabat, dan memupuk persekitaran kerja yang kondusif.

BPK juga dipertanggungjawab untuk mengurus ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) dengan memastikan komunikasi yang berkesan, mengatur mesyuarat, dan memaklumkan ahli LPA urusan Sekretariat MASA.

BPK menguruskan kewangan MASA menerusi penyusunan bajet, perancangan kewangan, dan pelaporan berkala kepada pemegang taruh mengikut keperluan. Tanggungjawab ini merangkumi pengurusan gaji, pembayaran dan memastikan pematuhan kepada peraturan dan had kewangan.



BPK turut berperanan dalam pembangunan sumber manusia, pengurusan bakat, mengawasi pengambilan pekerja, *onboarding*, dan hubungan pekerja. Pengurusan sumber manusia ini juga melibatkan pengurusan faedah, pampasan, dan pematuhan akan undang-undang buruh yang menyumbang kepada budaya organisasi yang positif.

Selain itu, pihak BPK juga memainkan peranan dengan menyediakan medium bagi memudahkan urusan yang melibatkan simpanan pekerja seperti caruman Tabung Haji melalui potongan gaji bulanan dan caruman tambahan bahagian pekerja melalui Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Penstrukturan Semula MASA

Selari dengan keputusan mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Bil. 02/2023, satu penstrukturan telah dilaksanakan di peringkat Sekretariat MASA. Penstrukturan ini melibatkan penggabungan Bahagian Komunikasi Strategik dengan Bahagian Pengurusan Program. Nama baharu bahagian tersebut adalah Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan *(Strategic Communications and Management Division)*.

Bahagian ini mempunyai tiga jabatan iaitu Jabatan Komunikasi Dalaman dan Pengurusan, Jabatan Komunikasi Korporat dan Jabatan Kreatif. Bahagian ini diketuai oleh Puan Marhaini Kamaruddin.







BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Pengenalan

Sebagai sebuah badan pemikir bebas yang menjalankan penyelidikan dan perundingan berdasarkan nilai kemakmuran bersama, Bahagian Dasar dan Penyelidikan MASA berfungsi menjalankan penyelidikan berkaitan isu-isu sosioekonomi semasa yang melingkari segenap kehidupan rakyat.

Bagi maksud tersebut, Bahagian Dasar dan Penyelidikan bertekad untuk mempelopori bidang-bidang penyelidikan berstrategi seperti kajian bersama institusi/agensi dalam dan luar negara serta memberi manfaat besar termasuk meneroka isu-isu masyarakat merentas bidang.

Selain itu juga, Bahagian Dasar dan Penyelidikan menyokong hasrat untuk menjadikan MASA rujukan di peringkat tertinggi *(thought leader)* dalam kajian dasar, sama ada dalam bidang ekonomi, sosial dan politik yang dipandu oleh Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), khususnya dalam merealisasikan matlamat serta objektif Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) yang menjadi agenda pembangunan utama negara serta Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sebanyak tiga kluster penyelidikan dengan beberapa projek penyelidikan telah dijalankan sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

01 Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP)

02 Projek Penyelidikan: Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (ESCR)

03 Projek Penyelidikan: Dinamika Persepsi Masyarakat

04 Program Felo MASA 2022/2024

05 Aktiviti penyelidikan lain seperti tinjauan penyelidikan dan pembentangan

06 Penerbitan - Jurnal dan Ringkasan Dasar

Bagi menjalankan aktiviti dan projek penyelidikan tersebut, MASA didukung oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan yang terdiri daripada para penyelidik daripada tiga jabatan iaitu Ekonomi, Sosial dan Politik. Dapatan daripada aktiviti dan projek penyelidikan ini telah dijadikan kertas polisi, laporan penyelidikan, makalah jurnal, serta penulisan di akhbar-akhbar tempatan yang merupakan sebahagian daripada aktiviti kesarjanaan awam (*public scholarship*) MASA.


Melalui Bahagian Dasar dan Penyelidikan, MASA turut menjadi wadah intelektual yang menggabungkan kepakaran felo MASA, pakar bidang dan ahli akademik merentas bidang ekonomi dan sosial menerusi siri wacana awam, forum dan sesi libat urus bersama pemegang taruh.

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP)


MPDP merupakan suatu usaha rintis MASA dalam mempelopori dan mempromosi penyelidikan dasar di Malaysia. Ia telah menjadi sebahagian daripada projek *flagship* MASA sepanjang tahun 2021 dan 2022, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang dijajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Melalui geran penyelidikan MPDP ini, ahli akademik dan para penyelidik yang berminat berpeluang untuk mengemukakan hasil kajian penyelidikan masing-masing merentas bidang berkaitan ekonomi, sosial dan pembangunan lestari.

TABURAN KERTAS CADANGAN MPDP 2.0



TABURAN KERTAS CADANGAN MPDP 2.0 MENGIKUT UNIVERSITI



MPDP yang diperkenalkan julung kalinya pada September 2021, telah mendapat sambutan memberangsangkan pada tahun 2023 dengan penerimaan sejumlah 254 kertas cadangan (iaitu peningkatan sebanyak 47% berbanding kohort pertama pada 2021) daripada 29 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Sebanyak 27 ringkasan dasar (*policy brief*) yang merupakan cadangan input polisi kepada pihak Kerajaan telah berjaya dihasilkan oleh penerima MPDP kohort kedua pada tahun ini.

Ringkasan dasar yang dihasilkan merangkumi tujuh bidang penting, iaitu:

- Rumah Mampu Milik
- Keselamatan Makanan
- Perlindungan Sosial
- Perubahan Iklim
- Memacu Perniagaan
- Menangani Keciciran Pembelajaran
- Membina Daya Tahan Kesihatan dan Kesiapsiagaan Krisis Masa Depan

Kesemua tajuk projek penyelidikan MPDP yang terpilih amat relevan dalam memastikan pembangunan yang seimbang dan saksama merentas bidang dan semua lapisan masyarakat.

Dalam hal ini, para penyelidik MPDP turut mempertingkat penyelidikan usahasama antara disiplin selaras dengan keperluan semasa negara, di samping mempergiat usaha inovasi, kepakaran dan hasil penyelidikan bermanfaat besar mereka seiring dengan matlamat program MPDP.

Sebagai contoh, inovasi permainan "*Game-Card on Social Protection*" yang dihasilkan menerusi geran penyelidikan MPDP oleh Dr. Suhaimi Abd Samad dari Universiti Teknologi MARA telah memenangi hadiah *Gold Award & Outstanding Video Award* di *4th Kelantan International Learning and Exhibition* (KILIEX) 2023.

Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP)

Pelbagai usaha telah diambil ke arah memacu bidang penyelidikan dasar negara menerusi program MPDP. Ini dapat dilihat melalui beberapa siri libat urus melibatkan penyelidik MPDP, wakil MASA dan kementerian berkaitan bagi membincangkan isu dan cadangan ringkasan dasar yang telah dihasilkan.

Pada tahun ini, sejumlah lima sesi libat urus telah berjaya dijalankan bagi membentangkan ringkasan dasar *(policy brief)* MPDP, melibatkan penyelidik MPDP, MASA dan agensi kerajaan seperti berikut:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)
25 Oktober

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp.)
30 Oktober

Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
31 Oktober

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
20 November

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
30 November

Sehubungan itu, MASA terus komited untuk memainkan peranannya dengan menjalin kerjasama strategik dan kolaborasi penyelidikan bersama para penyelidik IPTA dan IPTS pada masa yang akan datang



Sesi perbincangan berfokus (FGD) diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ng Boon Kwee (UM) bersama pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan wakil-wakil industri berkaitan keusahawanan sosial pada 18 Julai di VE Hotel & Residences Kuala Lumpur.



Prof. Madya Dr. Ng Boon Kwee dari Universiti Malaya mengetuai sesi perbincangan berfokus (FGD) bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Patenworth International dan pakar bidang berkaitan inovasi akar umbi luar bandar pada 8 Ogos di Jabatan Pengajian Sains & Teknologi, Universiti Malaya.






Prof. Madya Dr. Bity Salwana Alias dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta wakil Kementerian Pendidikan, pakar bidang dan wakil pertubuhan bukan kerajaan mengadakan sesi FGD berkaitan keciciran pembelajaran pada 19 Ogos di Bangi Resort Hotel.



Sesi FGD berkaitan industri halal yang diketuai Prof. Madya Dr. Zarina Zakaria dari UM diadakan bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan wakil industri pada 25 Julai di Hotel Pullman, Kuala Lumpur.







Pensyarah Universiti Malaya, Dr. Teh Bor Tsong bersama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada sesi FGD di Putrajaya.





Sesi pembentangan ringkasan dasar yang dihasilkan oleh Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin (UM) & Dr. Nabila Azwa Ambad (UiTM) bersama SME Corporation Malaysia (SME Corp) pada 30 Oktober di KL Sentral.





Ringkasan dasar yang dihasilkan oleh Prof. Dr. Mohammad Falahat Nejadmahani (UTAR), Dr. Nabila Azwa Ambad (UiTM) dan Dr. Mohd Ikbal Mohd Huda (UKM) dibentangkan pada sesi bersama Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 31 Oktober di Putrajaya.





Prof. Dr. Choo Wan Yuen dari UM dan Cik Kalai Vani Kalimuthu dari UTAR membentangkan ringkasan dasar bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 20 November di Putrajaya.





Sesi pembentangan ringkasan dasar yang dihasilkan oleh Dr. Sharifah Muhairah Shahabudin (UM) dan Prof. Madya Dr. Abu Hanifah Ayob (UKM) bersama Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 30 November di Putrajaya.







Dr. Suhaimi Abd Samad penerima MPDP 2.0 dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban telah memenangi hadiah Gold Award & Outstanding Video Award di 4th Kelantan International Learning and Exhibition (KILIEX) 2023.

Projek Penyelidikan: Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (ESCR)

Projek penyelidikan ESCR merupakan satu projek rintis yang dilaksanakan pada 2023 oleh Bahagian Dasar dan Penyelidikan dan Bahagian Program MASA dengan kerjasama pusat penyelidikan, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk tinjauan penyelidikan yang telah dilaksanakan dari 7 hingga 11 Mei 2023 bagi mengkaji impak aktiviti penambakan laut terhadap komuniti pesisir pantai di Pulau Pinang.

Hal ini kerana, walaupun projek tambakan laut membawa naratif untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, namun, kajian-kajian terdahulu yang dijalankan telah menunjukkan ia turut membawa kesan berpanjangan terhadap pelbagai aspek kehidupan masyarakat sekitarnya. Kesan-kesan ini termasuk dari segi nyawa, kualiti hidup, ekonomi dan alam sekitar yang mungkin menghalang hak-hak ekonomi, sosial dan budaya masyarakat setempat.




Projek penyelidikan yang dijalankan menerusi sesi dialog dan libat urus bersama wakil komuniti tempatan ini bertujuan mengenal pasti isu-isu sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh Bumiputera Pulau Pinang di peringkat akar umbi, khususnya di perkampungan nelayan yang terkesan dengan aktiviti penambakan laut, selain bagi penyediaan laporan awal ESCR Malaysia ke Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) untuk Penilaian Berkala Sejagat Pusingan Keempat (UPR-4).

Penyelidikan ESCR ini melibatkan soal selidik dan beberapa siri perbincangan serta kunjungan hormat bersama pemegang taruh, antaranya:

i. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia;
ii. Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI);
iii. Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah; dan
iv. Wakil-wakil komuniti nelayan

Imbas untuk muat turun laporan UNHCR untuk Malaysia:



United Nations A/HRC/WG.6/45/MYS/3

General Assembly

Distr.: General
2 November 2023

Original: English

Human Rights Council
Working Group on the Universal Periodic Review
Forty-fifth session
22 January–2 February 2024

Summary of stakeholders' submissions on Malaysia*

Report of the Office of the United Nations High Commissioner for Human Rights

I. Background

1. The present report was prepared pursuant to Human Rights Council resolutions 5/1 and 16/21, taking into consideration the periodicity of the universal periodic review and the outcome of the previous review.[1] It is a summary of 51 stakeholders' submissions[2] for the universal periodic review, presented in a summarized manner owing to word-limit constraints. A separate section is provided for the contribution by the national human rights institution that is accredited in full compliance with the Paris Principles.

II. Information provided by the national human rights institution accredited in full compliance with the Paris Principles

2. The Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM) recommended that Malaysia accede to the remaining six core international human rights treaties without delay and intensify efforts towards the withdrawal of remaining reservations to CEDAW, CRC and CRPD.[3]

3. SUHAKAM recommended that Malaysia accede to the 1954 Convention Relating to the Status of Stateless Persons, the 1961 Convention on the Reduction of Statelessness and the 1951 Convention Relating to the Status of Refugees.[4]

4. SUHAKAM recommended that Malaysia amend the SUHAKAM Act 1999 to strengthen its functions and powers and enhance the selection and appointment process of Commissioners. It also recommended that Malaysia consistently debate its annual report in Parliament.[5]

5. SUHAKAM recommended that Malaysia replace the death penalty with life imprisonment of 30 years in respect of the most serious crimes.[6]

6. SUHAKAM recommended that Malaysia abolish corporal punishment such as whipping and caning in custodial and educational institutions.[7]

* The present document is being issued without formal editing.

GE.23-20880(E)

Please recycle

Hasil kajian telah dipetik dalam laporan "Summary of stakeholders' submissions on Malaysia" oleh Human Rights Council





MASA merupakan badan pemikir pertama di Malaysia yang menyediakan laporan seumpamanya yang mengangkat tema perluasan ruang demokratik, kedaulatan undang-undang, mempromosi rasa hormat dan melindungi hak-hak asasi komuniti tempatan yang terjejas akibat aktiviti penambakan laut.

Laporan penuh penyelidikan ini telah diserahkan kepada Jawatankuasa Kerja UNHRC yang berpangkalan di Geneva, Switzerland pada 4 Julai 2023.

Laporan yang turut mendapat perhatian UNHRC ini juga adalah seiring matlamat dan visi MASA untuk mempromosikan kemakmuran dalam kalangan rakyat Malaysia dan memastikan tiada yang ketinggalan seperti termaktub dalam tiga teras Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) - iaitu mencapai taraf hidup rakyat Malaysia yang wajar, memacu kemajuan dan kemakmuran ekonomi yang adil dan saksama serta membina negara yang bermaruah.

Penglibatan MASA dalam proses UPR ini, sekali gus memperkukuhkan suara pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dalam membangkitkan isu ESCR dalam rangka kerja yang tepat dan berwibawa, selaras dengan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) 1948, Deklarasi Hak Asasi Manusia dalam Islam (CDHRI) 1990, Deklarasi Hak Asasi Manusia ASEAN 2012 dan Perlembagaan Persekutuan.





Projek Penyelidikan: Dinamika Persepsi Masyarakat

Aspirasi Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat bertujuan mewujudkan satu unit penyelidikan kajian kuantitatif yang merangkumi kerangka isu, persepsi, dan kehendak masyarakat bagi memenuhi keperluan untuk MASA sebagai badan pemikir yang boleh dijadikan rujukan dari segi dasar di peringkat tertinggi *(thought leader)*.

Oleh itu, adalah penting bagi MASA memiliki pangkalan data primer dan tidak bergantung sepenuhnya dengan vendor luar. Langkah ini dapat menjimatkan perbelanjaan organisasi, menjaga kualiti dan privasi seterusnya menyumbang kepada *in-depth analysis* ke arah memenuhi aspirasi meningkatkan taraf hidup masyarakat Malaysia.

Penyelidikan berbentuk kuantitatif ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan serta memperkasakan kemahiran para penyelidik MASA mengenai metode soal selidik dan persampelan. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung membantu penyelidik memahami struktur masyarakat umum dan realiti cabaran yang dihadapi rakyat sekali gus dapat memberi sudut pandang yang menyeluruh.

Berdasarkan landskap dinamika politik semasa pada tahun 2022-2023, kajian Dinamika Persepsi Masyarakat lebih tertumpu dalam aspek elektoral, budaya pengundi serta persepsi masyarakat mengenai situasi semasa, dasar-dasar kerajaan dan prestasi perkhidmatan sosial parti politik.

Senarai Kajian Dinamika Masyarakat yang telah dijalankan:

1. Kajian Rintis Survei Temu Bual Bersemuka di Selangor (Parlimen Sabak Bernam);
2. Kajian Temu Bual Bersemuka di Selangor (39 DUN Majoriti Melayu);
3. Kajian Temu Bual Bersemuka di DUN Hulu Kelang;
4. Kajian Rintis Temu Bual Bersemuka di Negeri Sembilan (Parlimen Rembau);
5. Kajian Temu Bual Bersemuka di Negeri Sembilan (20 DUN Majoriti Melayu);
6. Kajian Temu Bual Bersemuka di DUN Kota Damansara; dan
7. Kajian Temu Bual Menggunakan Telefon di Selangor.



ISEAS YUSOF ISHAK INSTITUTE
ISSUE: 2023 No. 50
ISSN 2335-6677

PERSPECTIVE

RESEARCHERS AT ISEAS – YUSOF ISHAK INSTITUTE ANALYSE CURRENT EVENTS

Singapore | 5 July 2023

Why Perikatan Nasional May Win in Selangor

*Marzuki Mohamad and Khairul Syakirin Zulkifli**

Perikatan Nasional party members and its leader, Muhyiddin Yassin (centre), at the Selangor PN Election Convention 2023, Ideal Convention Center (IDCC), Shah Alam, on 25 June 2023. Source: Perikatan Nasional, Facebook.

** Guest writers, Marzuki Mohamad is Associate Professor in the Department of Political Science, Abdul Hamid Abu Sulayman Kulliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia. He is also a trustee of Institut Masa Depan Malaysia (Institut MASA), a local think-tank focusing on social, economic, and political research. Khairul Syakirin Zulkifli is Researcher at Institut MASA. This article is written in both authors' personal capacity.*

Hasil kajian diterbitkan di The ISEAS-Yusof Ishak Institute, Singapura

Imbas untuk muat turun laporan kajian:

Keseluruhannya, Kajian Dinamika Persepsi Masyarakat MASA telah berjaya menemu bual 3,280 responden secara bersemuka manakala 4,112 temu bual perbualan telefon bermula dari Februari 2023 sehingga Ogos 2023.

Analisis dan dapatan data daripada kajian ini juga telah dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA dan kemudiannya kepada Pengerusi MASA. Di samping itu, dapatan data bagi kajian spesifik mengenai sentimen masyarakat di Selangor juga telah diterbitkan dalam bentuk penulisan akademik oleh The ISEAS-Yusof Ishak iaitu '*Why Perikatan Nasional May Win in Selangor'* serta dijadikan sebagai rujukan oleh beberapa ahli akademik.

Program Felo MASA 2022/2024

Program Felo telah diperkenalkan pada tahun 2021 selepas mendapat persetujuan daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) MASA. Program ini bertujuan untuk membolehkan para penyelidik MASA mendapatkan khidmat nasihat secara langsung dalam bidang penyelidikan masing-masing melalui siri wacana, perbincangan kumpulan berfokus (FGD), bengkel atau penyediaan modul.

Program Felo MASA turut memberi peluang kepada para penyelidik muda, selebriti, ahli sukan, ketua badan bukan kerajaan, pemimpin belia memberi sumbang saran serta tenaga dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan komuniti.

Melalui program ini juga, bidang tumpuan penyelidikan MASA seperti Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), ekonomi dan sosiobudaya dapat dimantapkan sesuai dengan matlamat untuk menjadi antara badan pemikir bebas yang disegani dan menghasilkan penyelidikan bermutu tinggi.

Tinjauan Penyelidikan dan Pembentangan

Tinjauan penyelidikan

NO.	PROGRAM	LOKASI	KERJASAMA	TARIKH
1	Kajian Rintis Survei Temu Bual Bersemuka Parlimen Sabak Bernam	Sabak Bernam, Selangor	-	10-12 Februari
2	*ASEAN Youth Economic Forum 2023*	Jakarta, Indonesia	*ASEAN Youth Organization* (AYO)	15-22 Mac
3	Memperkasa Daya Saing Bumiputera di Pulau Pinang	Pulau Pinang, Malaysia	*Centre for Policy Research & International Studies* (CenPRIS) & Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah	8 Mei - 10 Mei
4	Kajian Impak Penambakan Laut Terhadap Komuniti Pesisir Pantai di Pulau Pinang	Pulau Pinang, Malaysia	Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI)	8-9 Mei
5	Kajian Rintis Temu Bual Bersemuka Parlimen Rembau	Rembau, Negeri Sembilan	-	19-21 Mei
6	Kunjungan Hormat Yayasan Strategik Lestari ke MASA	Kuala Lumpur, Malaysia	Yayasan Strategik Lestari	29 Mei
7	Kajian Temu Bual Bersemuka DUN Hulu Kelang	Hulu Kelang, Gombak	-	7-21 Jun
8	Kajian Temu Bual Bersemuka DUN Kota Damansara	Damansara, Selangor	-	30 Mei - 1 Julai


BAHAGIAN DASAR & PENYELIDIKAN

Pembentangan

NO.	NAMA & JAWATAN	PROGRAM	TAJUK PEMBENTANGAN	ANJURAN	TARIKH
1	**Mohd Noor Musa** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)	*Scoping Workshop on the Guidance for National Long-term Roadmap to Synergize Mitigation and Adaptation in ASEAN Countries*	*Scoping Workshop on the Guidance for National Long-term Roadmap to Synergize Mitigation and Adaptation in ASEAN Countries Potential Role of Youth Towards a Net-Zero Pathway*	*Institute for Global Environmental Strategies* (IGES) & *Ministry of Environment, Japan*	29 Mac
2	**Mohd Noor Musa** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)	SQE7022: *Master of Sustainability*	*Evidence-Based Policy Making: Perspective of a Think-Tank*	Universiti Malaya (UM)	17 April
3	**Mohammad Zulhafiy Zol Bahari** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)	Forum Kelestarian	N/A	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	19 Mei
4	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	*Engagement Session on Sharing Economy*	N/A	*Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC)	25 Mei
5	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	*Shape the World Summit 2023*	*The Economic Significance of Trust on Shaping a Sustainable*	CONSULUS Sarawak	21 Jun
6	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	Sesi Meja Bulat Tertutup: Wakaf dan Pasaran Modal Islam	*Measurement of Waqf Development in Malaysian Key Economic Factor*	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	21 Julai
7	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	*Shipping Finance Forum*	*Financing a Sustainable Maritime Industry*	Yayasan Pok Rofeah	27 Julai
8	**Mohd Noor Musa** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)	*Forum on Science, Technology & Society (STS)*	*Beyond Boundaries: How STS Contributes to a Dynamic Job Market*	Universiti Malaya (UM)	16 Ogos

Pembentangan

NO.	NAMA & JAWATAN	PROGRAM	TAJUK PEMBENTANGAN	ANJURAN	TARIKH
9	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	Mesyuarat Penyelarasan Pengenalpastian Isu dan Risiko Rasuah Siri 1/2023	N/A	Bahagian Perancangan Governan Nasional (BPGN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13-15 September
10	**Maryam Husna Maznorzuhairi** Penganalisis Penyelidikan (Ekonomi)				
11	**Nur Zalikhaa' Zainal Abidin** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)				
12	**Mohd Noor Musa** Penganalisis Penyelidikan (Sosial)	*International Conference on Social Science & Technology* (ICOSST) 2023	*Islamic Environmental Education: Case Study of Institute of Islamic Understanding Malaysia* (IKIM)	Universiti Kuala Lumpur (UniKL) & *EuroMid Academy of Business & Technology*	21 September
13	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	Simposium Sains Penagihan Dadah 2023	Peranan Teknologi Dalam Pencegahan Dadah	Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)	26 Oktober
14	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	*A Forum on Maritime Industry: Challenges and Potentials*	*Trade and Transport Costs in Logistics Industry*	Yayasan Pok Rofeah	28 Oktober
15	**Dr. Khalid Abdul Hamid** Ketua, Bahagian Dasar & Penyelidikan	Pelan Tindakan Strategik JKDM Melaka	Pelan Strategik JKDM 2024 - 2026	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	Oktober 2023 - Mac 2024








Penerbitan – Jurnal & E-Prosiding

Pandangan penyelidik MASA yang tersiar di akhbar tempatan bertajuk *"Sustainability: How Malaysia Can Identify Gaps & Challenges"* oleh **Mohd Noor Musa**, Penganalisis Penyelidikan (Sosial) telah dijadikan rujukan oleh penyelidik universiti dan dipetik *(cited)* di tiga jurnal penyelidikan, iaitu:

Cogent Business & Management, 2023 - Taylor & Francis
Said, F., Zainal, D., & Abdul Jalil, A. (2023). Big *data analytics capabilities (BDAC) and sustainability reporting on Facebook: Does tone at the top matter?. Cogent Business & Management,* 10(1).


Said et al., *Cogent Business & Management* (2023), 10: 2186745
https://doi.org/10.1080/23311975.2023.2186745

cogent business & management

ACCOUNTING, CORPORATE GOVERNANCE & BUSINESS ETHICS | RESEARCH ARTICLE

Big data analytics capabilities (BDAC) and sustainability reporting on Facebook: Does tone at the top matter?

Fareyha Said[1], Dalilawati Zainal[1]* and Azlina Abdul Jalil[1]

Received: 18 January 2023
Accepted: 28 February 2023

*Corresponding author: Dalilawati Zainal, Department of Accounting, Faculty of Business and Economics, University of Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia
E-mail: dalilawati@um.edu.my

Reviewing editor: Collins G. Ntim, Accounting, University of Southampton, United Kingdom

Additional information is available at the end of the article

Abstract: This study examines the impact of big data analytics capabilities (BDAC) on sustainability reporting disclosure on Facebook (SRDF) and the moderating impact of tone at the top's attributes on the relationship between BDAC and SRDF. A total of 100 publicly listed companies (PLCs) in Malaysia that mentioned using social media during the year 2019 were chosen as this study's sample. This study was underpinned by positivist research paradigm and used quantitative data collection methods (questionnaire and content analysis). Based on the structural equation modelling (SEM) employed, the results of the study showed that BDAC implementation had a significant impact on SRDF. The presence of a specific tone (certainty) at the top in Chief Executive Officer's (CEO) letters strengthened the relationship between BDAC and SRDF, but other attributes of tone at the top showed insignificant results. This study acknowledges the important contribution of dynamic capabilities, such as BDAC and a specific tone at the top, i.e., certainty, in promoting sustainability reporting on social media from the perspective of dynamic capabilities view (DCV) theory. Thus, companies are suggested to implement BDAC and communicate certainty in the tone at the top to improve their sustainability reporting on social media, particularly on Facebook.

Subjects: Information & Communication Technology; ICT; Asian Studies; Business, Management and Accounting

Keywords: dynamic capability view; sustainability reporting; Facebook; big data analytics capabilities; tone at the top

1. Introduction
There is growing literature discussing the potential roles of big data in corporate reporting, in line with the trend of digitisation of accounting practices. Arnaboldi et al. (2017) argued that big data revolution, in tandem with the popularity of social media platforms, could change accounting practices, including sustainability reporting. In this context, big data analytics (BDA) facilitates the analysis and categorisation of data into useful information for business decision-making leading to improved corporate sustainability performance (Choi & Park, 2022). Corporations' ability to utilise big data to gain strategic and operational insights is known as big data analytics capabilities or BDAC (Mikalef et al., 2018). Despite the increasing number of studies that relate BDA with sustainability reporting, research that explores the impact of BDAC implementation on sustainability reporting through social media is rather limited (De Camargo Fiorini et al., 2018; Lombard & Secundo, 2020). Since social media has become a popular medium for sustainability reporting (Lodhia et al., 2020), it is useful to understand

cogent oa

© 2023 The Author(s). This open access article is distributed under a Creative Commons Attribution (CC-BY) 4.0 license.

DOI:
https://doi.org/10.1080/23311975.2023.2186745

Biomimetics, 2023 - MDPI
Arumugam, G., Abidin, S. N. Z., Kusumo, C. M. L., & Jain, A. (2023). *Teaching nature and architecture: student-led account of biomimicry innovations in the tropics. Biomimetics,* 8(1), 13.


biomimetics

MDPI

Article

Teaching Nature and Architecture: Student-Led Account of Biomimicry Innovations in the Tropics

98	Benarkah wujud diskriminasi etnik, agama di Malaysia?	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	3 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
99	*Transboundary haze must be dealt with // Transboundary haze: Managing Asean's wicked problem*	Mohd Noor Musa	4 Oktober 2023	The Star, Malaysia Kini	
100	*No end to haze unless transboundary pact implemented*	Mohd Noor Musa	9 Oktober 2023	New Straits Times, Khmer Times	

Senarai Penulisan Artikel/ Rencana 2023

BIL	TAJUK	PENULIS	TARIKH TERBIT	MEDIA	LINK
		OKTOBER			
101	Segerakan reformasi sistem kesihatan hadapi pandemik baharu	Mohd Noor Musa	10 Oktober 2023	Berita Harian	
102	Bukan Melayu masih belum langsai bahagian mereka	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	10 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
103	*What does the budget provide for low-wage workers?*	Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	17 Oktober 2023	FMT	
104	Bukan khidmat negara, carilah nama lain	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	17 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
105	Sejahterakah mental kita?	Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw	18 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
106	China Town: Mana jati diri kita?	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	24 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
107	*Floating chicken prices: Did Putrajaya think this through?*	Muhammad Ainul Hakim Norazmi	30 Oktober 2023	MalaysiaKini	
108	Apa ada pada Yahudi, Zionis dan kafir?	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	31 Oktober 2023	Utusan Malaysia	
		NOVEMBER			
109	Bahasa Melayu jangan sekadar menang sorak	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	7 November 2023	Utusan Malaysia	
110	Piagam Tingkah Laku langkah terbaik disiplinkan ahli Parlimen	Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	9 November 2023	Berita Harian	
111	Bahasa Melayu manifestasi Daken	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	14 November 2023	Utusan Malaysia	
112	Ayuh wujudkan kesejahteraan mental	Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw	17 November 2023	Utusan Malaysia	
113	Hanya entiti Melayu untuk identiti nasional dan budaya Malaysia	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	21 November 2023	Utusan Malaysia	

BIL	TAJUK	PENULIS	TARIKH TERBIT	MEDIA	LINK
		NOVEMBER			
114	*Inculcating humanitarianism in our kids*	Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	25 November 2023	MalaysiaKini	
115	*Are we ready for digital IDs?*	Mohd Noor Musa	28 November 2023	The Star	
116	Bahasa Melayu di UNESCO	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	28 November 2023	Utusan Malaysia	
		DISEMBER			
117	*Challenges in adopting Digital ID*	Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	2 Disember 2023	Malaysiakini	
118	Benarkah sistem kuota menindas bukan Melayu?	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	5 Disember 2023	Utusan Malaysia	
119	*Is it right to downplay Covid-19's comeback?*	Mohd Noor Musa	6 Disember 2023	Malaysiakini	
120	Warganegara wajib fasih bahasa negara	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	12 Disember 2023	Utusan Malaysia	
121	Rombakan Kabinet utama aspek prestasi pemimpin, bukan bersandar popularity	Azril Mohd Amin	17 Disember 2023	Berita Harian	
122	*10pct tax on LVG might not be as beneficial as advertised*	Mohd Noor Musa	19 Disember 2023	Malaysiakini	
123	Asimilasi dulu sebelum mahu jadi PM	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	19 Disember 2023	Utusan Malaysia	
124	Lemah bahasa kebangsaan calar hak sebagai warganegara	Mohamed Azmi Mohd Rasheed Khan	25 Disember 2023	Berita Harian	
125	Melayu yang salah asuhan kemelayuannya	Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong	27 Disember 2023	Utusan Malaysia	
126	Taasub media sosial jadikan anak muda 'bengap'	Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw	27 Disember 2023	Utusan Malaysia	

Kenyataan Media

Pada tahun 2023 juga MASA mengeluarkan kira-kira 25 kenyataan media berkaitan program badan pemikir ini, isu-isu semasa dalam negeri dan luar negara.

Kenyataan media ini telah disiarkan dalam akhbar dan media arus perdana, portal-portal berita dan media sosial.

Senarai Kenyataan Media 2023

BIL	TAJUK	TARIKH
	MAC	
1	Kenyataan Media Sempena Hari Wanita Sedunia	8 Mac 2023
2	*Media Statement In Conjunction With The International Women'S Day (IWD) 2023*	8 Mac 2023
3	Kenyataan Media 27 Penyelidik Terpilih Menerima Geran Penyelidikan Program Pembangunan Dasar Masa (MPDP) 2.0	28 Mac 2023
4	*Media Statement 27 Researchers Selected For 27 Researchers Selected For Masa Policy Development Research Grant (MPDP) 2.0*	28 Mac 2023
	APRIL	
5	Kenyataan Media Pelantikan Ketua Bahagian Dasar Dan Penyelidikan Pelantikan Ketua Bahagian Dasar Dan Penyelidikan Institut Masa Depan Malaysia	3 April 2023
6	*Media Statement Appointment Of Head Of Policy And Research Division Institut Masa Depan Malaysia*	3 April 2023
7	Kenyataan Media Hari Bumi Antarabangsa 2023	12 April 2023
8	*Media Statement International Mother Earth Day 2023*	12 April 2023
	MEI	
9	Majlis Penganugerahan Program Pembangunan Dasar Masa (MPDP) 2.0	17 Mei 2023
	JULAI	
10	MASA Serah Laporan Kepada Majlis Hak Asasi Manusia Bagi Pusingan Ke-4 Malaysia Dalam Semakan Berkala Sejagat	12 Julai 2023
11	*MASA's Submission To The Human Rights Council For Malaysia'S 4Th Cycle In The Universal Periodic Review*	12 Julai 2023
	OGOS	
12	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Cerminan Kejayaan Setiap Peringkat Pendidikan	28 Ogos 2023
13	*Education Blueprint Resonates Success In Every Level Of Education*	28 Ogos 2023
	NOVEMBER	
14	*Media Statement Masa-Indonesia Strategist Ink Mou On Regional Economic Research Initiative*	1 November 2023
	DISEMBER	
15	Laporan MASA Mengenai Projek Mega Tebus Guna Tanah Diiktiraf UNHRC	31 Disember 2023
16	*MASA'S Land Reclamation Mega Project Concerns Get Mention In UNHRC*	31 Disember 2023

Liputan Berita

Hubungan erat dan strategik Bahagian Komunikasi Strategik dengan pihak media banyak membantu MASA mendapat publisiti dari segi liputan berita aktiviti MASA, kenyataan media selain penerbitan artikel.

Senarai Liputan Berita

BIL	TAJUK	TARIKH TERBIT	MEDIA	PERINCIAN
	JANUARI			
1	Harapan wanita ekonomi lebih terjamin pada 2023	12 Januari 2023	Berita Harian	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
	FEBRUARI			
2	促进经济应对高生活成本 学者称爱心餐单应是临时方案	12 Februari 2023	The Malaysian Insight	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
3	Sabah, Sarawak Perlu Peruntukan Lebih Besar Untuk Rapatkan Jurang Pembangunan, Kata Ahli Ekonomi	18 Februari 2023	Sabah Gazette	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
4	*Sabah, Sarawak need higher allocation to narrow development gap, says economist*	18 Februari 2023	Free Malaysia Today	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
5	*It is time to abolish B40, M40, and T20 categories*	20 Februari 2023	Sinar Daily	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
6	Isu ketidakpadanan kerja: Laksana langkah 'lobak dan kayu' - Madeline Berma	21 Februari 2023	Astro Awani	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
	MAC			
7	Syor KWSP beri pinjaman, bukan bank	12 Mac 2023	Sinar Harian	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
8	27 penyelidik dipilih terima geran MPDP 2.0	28 Mac 2023	Berita Harian	Kenyataan Media
	APRIL			
9	Dr. Khalid dilantik Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan Masa	3 April 2023	Utusan Malaysia	Kenyataan Media
10	Pencarum KWSP dikhuatiri terus terperangkap dengan hutang	4 April 2023	Berita Harian	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
	MEI			
11	Mustahil untuk hapuskan miskin tegar	1 Mei 2023	Sinar Harian	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma

Senarai Liputan Berita

BIL	TAJUK	TARIKH TERBIT	MEDIA	PERINCIAN
		MEI		
12	[VIDEO] Manfaat geran penyelidikan MASA besar – Penyelidik	17 Mei 2023	Satu Berita	MPDP 2.0
13	Khairy Jamaluddin ditawar Ahli MPT Bersatu - Muhyiddin	17 Mei 2023	Astro Awani	MASA dipetik
		JUN		
14	Laksana pemutihan data penerima bantuan kerajaan, bangunkan pangkalan data dinamik	3 Jun 2023	Astro Awani (TikTok)	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
		JULAI		
15	Projek tambak Pulau Pinang bawa kesan berpanjangan	5 Julai 2023	Utusan Malaysia	Kenyataan Media
16	Laporan isu tambak laut Pulau Pinang diserah kepada UNHRC	5 Julai 2023	Berita Harian Online	MASA dipetik
17	*Selangor within grasp of PN as 39 Malay-majority seats set to reject PH-BN candidates, survey finds*	5 Julai 2023	MalaysiaNow	Artikel (petikan Datuk Dr. Marzuki Mohamad & Khairul Syakirin Zulkifli, Penyelidik MASA)
18	民调：希盟没从中获益 巫统支持者或转投国盟	6 Julai 2023	China Press	Artikel (petikan Datuk Dr. Marzuki Mohamad & Khairul Syakirin Zulkifli, Penyelidik MASA)
19	黄晓虹.民调信不信由你	11 Julai 2023	Sin Chew	Artikel (petikan Datuk Dr. Marzuki Mohamad & Khairul Syakirin Zulkifli, Penyelidik MASA)
20	*Can PPR schemes break out of their 'unliveable' mould?*	19 Julai 2023	The Malaysian Reserve	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
21	*Webinar on "Hearts versus Minds in the Struggle for Selangor" *ON ISEAS WEBSITE KIV*	25 Julai 2023		Webinar
		OGOS		
22	Pengiktirafan Bank Dunia bukti usaha Malaysia tangani Covid-19 berkesan	4 Ogos 2023	Utusan Harian	Kenyataan Media
23	PPPM capai kejayaan selepas sedekad, MASA rakam penghargaan kepada Muhyiddin	23 Ogos 2023	Sinar Harian	Artikel

Senarai Liputan Berita

BIL	TAJUK	TARIKH TERBIT	MEDIA	PERINCIAN
		SEPTEMBER		
24	Kerajaan kena berani guna kuasa hapuskan kesenjangan ekonomi	8 September 2023	Berita Harian	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
25	Fokus Minggu Depan: Sidang Khas Parlimen KSP RMK-12	17 September 2023	Astro Awani (Video)	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
		OKTOBER		
26	*Focus on specific needs in Sabah and Sarawak, budget planners told*	1 Oktober 2023	Free Malaysia Today	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
27	*It is time to revisit innovation agenda for rural community — Ng Boon Kwee and Fung Hon Ngen*	4 Oktober 2023	Malay Mail	Artikel (Penerima MPDP)
28	Krisis makanan akibat 'ghairah' ubah Malaysia 'negara perkilangan', kata ahli ekonomi	20 Oktober 2023	Free Malaysia Today	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
29	*Focus on manufacturing led to neglect of agricultural sector, says economist*	20 Oktober 2023	Free Malaysia Today	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
30	Rakyatkan ilmu subsidi, elak kekeliruan rakyat - Madeline Berma	28 Oktober 2023	Astro Awani	Petikan Profesor Dato' Dr. Madeline Berma
		NOVEMBER		
31	MASA, *Indonesia Strategist* meterai MoU inisiatif penyelidikan ekonomi serantau	1 November 2023	Dagang News	Kenyataan Media
32	Lembaga *Think Tank* PM ke-7 Mahathir Mohammad Gandeng *Indonesia Strategist* untuk Mitra Riset	5 November 2023	TerasLampung.com	Kenyataan Media
		DISEMBER		
33	Laporan MASA tentang projek penambakan di Pulau Pinang dapat perhatian UNHRC	31 Disember 2023	Portal Utusan TV	Kenyataan Media
34	Laporan MASA mengenai projek mega tebus guna tanah diiktiraf UNHRC	31 Disember 2023	Astro Awani	Kenyataan Media
35	Laporan kajian oleh MASA dapat perhatian agensi PBB	31 Disember 2023	Berita Harian	Kenyataan Media



Program Jelajah Advokasi MASA

Program Advokasi Media Bersama Pengerusi MASA berjaya diadakan di empat buah negeri sepanjang 2023.

Negeri-negeri tersebut ialah Pulau Pinang (17 Jun), Terengganu (7 Julai), Kelantan (21 Julai) dan Johor (25 Ogos).

Program Advokasi MASA mula melangkau sempadan negara apabila diadakan di Jakarta, Indonesia pada 31 Oktober 2023.

Program ini dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MASA, Encik Azril Mohd Amin.

Encik Azril turut menghadiri satu bengkel bertajuk, *Enhancing Oversight and Accountability Mechanism of Counter-Terrorism Operations in Southeast Asian Countries* yang diadakan sempena program tersebut.

MASA turut bersetuju memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan *Indonesia Strategist* (IS) bagi mengukuhkan kerjasama strategik terutama dalam penyelidikan serantau.


Masa Dalam Media Luar Negara dan Jurnal Universiti

Lebih membanggakan beberapa artikel ini turut disiarkan kembali oleh portal-portal berita negara luar seperti *Straits Times Singapore* dan *Khmer Times*.

Selain itu beberapa bahagian artikel penganalisis dan penyelidik MASA yang disiarkan dalam akhbar dan portal telah dijadikan rujukan oleh penyelidik universiti dan dipetik *(cited)* oleh tiga jurnal penyelidikan, iaitu:

1. *Cogent Business & Management*, 2023 - Taylor & Francis;
2. *Biomimetics*, 2023 - MDPI dan
3. *Journal of Governance & Integrity*, 2023 - UMP

Para penyelidik dan penganalisis MASA turut dihubungi oleh wartawan akhbar dan televisyen bagi mengulas beberapa isu semasa terutama isu ekonomi.



KHMER TIMES

National | Business | Khmer Times TV | Editorial | Opinion | Property | Sport | Press Releases | Supplements | More

Opinion October 11, 2023

No end to haze unless a transboundary pact is implemented

Mohd Noor Musa / /

The capital city's view in the evening was cloudy and affected due to the hazy situation with an Air Pollution Index (API) reading of 184 during the inspection. New Straits Times


Click here to get Khmer Times Breaking News direct into your Telegram

Previous data and satellite images of peatland fires, illegal logging, and deforestation induced by land clearing efforts in rural and agricultural areas of Kalimantan, Sumatra, and Riau in Indonesia, by local and international agribusinesses remain the leading cause of haze in this region.

At its worst, when environmental conditions, such as El Nino, delay the onset of the rainy season, smoke from peatland fires and land-clearing activities continue to intensify.

Besides the grave threat to health, especially to those suffering from chronic conditions and the vulnerable, exposure to haze harms living resources, fragile ecosystems, and property, leading to violations of the fundamental human right to life and health and considerable financial loss to governments.

According to Greenpeace, around 110,000 deaths occur annually from pollution-related illnesses stemming from haze. For instance, in 2015, the haze crisis caused the Indonesian government between $16 billion and $28 billion in losses, forcing it to redirect air traffic and other repercussions.



THE STRAITS TIMES

ASIA

Malaysia began imposing a new 10 per cent low value goods (LVG) tax from Jan 1, 2024. ST PHOTO: KEVIN LIM

Hazlin Hassan
Malaysia Correspondent

UPDATED JAN 05, 2024, 12:04 AM

KUALA LUMPUR – Malaysia's new sales tax on items bought online from overseas merchants has drawn mixed reactions, with local sellers saying they welcomed the fairer competition while others raised concerns that the higher prices would burden poorer Malaysians.

In a move aimed at encouraging demand for local products, Malaysia began imposing a new 10 per cent low-value goods (LVG) tax from Jan 1, 2024, on items

Menjaring Hubungan

Selain mempromosikan pelbagai aktiviti anjuran MASA terutama Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP), sesi libat urus dan ramah mesra diadakan secara berterusan dengan pengarang-pengarang kanan media bagi mempereratkan jaringan hubungan MASA dengan syarikat dan agensi media.

Pertemuan dengan pengarang dan pengendali media digital, portal berita dan pempengaruh media sosial turut diadakan dari semasa ke semasa.

Bagi meraikan pihak media atas sokongan terhadap MASA, majlis berbuka puasa dan jamuan Aidilfitri telah diadakan yang turut disertai pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA.















Memorandum Persefahaman

Sepanjang tahun ini MASA telah menandatangani tiga memorandum persefahaman (MoU) iaitu dengan Universiti Sains Malaysia (USM), *Asian Youth Organization* (AYO) dan badan pemikir bebas *Indonesia Strategist*.

Majlis menandatangani MoU antara AYO dan MASA berlangsung pada 6 Februari 2023.

Menerusi MoU ini MASA telah dilantik sebagai rakan strategik bagi penganjuran *ASEAN Youth Economic Forum* (AYEF) pada 17 hingga 21 Mac 2023 di Jakarta Indonesia.

MoU dengan Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) USM pula diadakan pada 3 Oktober 2023 dan ditandatangani secara digital.

Persefahaman ini akan membolehkan MASA dan USM meneroka peluang kerjasama dalam bidang penyelidikan dan berkongsi kepakaran masing-masing.

MASA juga berpeluang menandatangani MoU dengan *Indonesia Strategist* sebuah badan pemikir bebas pada 31 Oktober 2023.

Ia akan membolehkan kedua-dua badan pemikir itu mengadakan kerjasama bagi memulakan inisiatif penyelidikan ekonomi serantau yang komprehensif dan inovatif.

Minat dan kesediaan institusi pengajian tinggi dan badan pemikir bebas dalam dan luar negara mengadakan MoU dengan MASA secara tidak langsung membuktikan keyakinan mereka ke atas kepakaran MASA.





Kunjungan Hormat

MASA turut menerima kunjungan hormat daripada beberapa individu dan pertubuhan sepanjang 2023.

Antaranya delegasi daripada Sekolah Ekspor Indonesia diketuai pengetuanya Dr. Handito Joewono. Kehadiran delegasi disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MASA, En. Azril Mohd Amin dan warga MASA.

Turut hadir YB Senator Jaziri Alkaf A. Suffian, Pengerusi Majlis Perniagaan Malaysia-Indonesia serta Datuk Dr. Teh Tai Yong, Naib Pengerusi Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM).









MASA juga menerima kunjungan hormat daripada Yayasan Strategik Lestari yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya Dr. Mohd Fuad Salleh.

Kunjungan delegasi itu disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif MASA, En. Azril Mohd Amin, Ketua Bahagian Penyelidikan dan Dasar, Dr. Khalid Abdul Hamid dan warga MASA.

Kedua-dua pihak telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu utama yang memberi implikasi besar kepada negara terutamanya dasar-dasar kelestarian, pembangunan sosioekonomi masyarakat dan teknologi dalam kerangka Rancangan Malaysia Ke-12 dan wawasan negara, di samping membincangkan peluang kerjasama pada masa depan.







MASA juga berbesar hati menerima kunjungan pensyarah sains politik Universiti Malaya Dr. Makmor Tumin. Dr. Makmor banyak menghasilkan buku akademik, falsafah dan penyelidikan dengan tumpuan mengenai pemikiran politik perbandingan Islam dan Barat.







MASA turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengerusi TV Al-Hijrah, YBhg Encik Mohd Khair Ngadiron di Pusat Penyiaran Digital TV Al-Hijrah, Pusat Islam, Kuala Lumpur. Ini adalah sebahagian daripada siri libat urus strategik kepimpinan MASA bersama pemegang kepentingan dalam bidang akademik, media, pentadbiran awam dan badan-badan pemikir serta organisasi masyarakat sivil atau CSO.

Encik Azril telah menyampaikan hasrat MASA untuk bekerjasama dengan pihak TV Al-Hijrah dalam menyebar luas hasil penyelidikan di bawah Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) dan bidang tumpuan badan pemikir ini merangkumi Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030), khususnya berkaitan hak-hak ekonomi, sosial dan budaya (ESCR).

Kerjasama yang terjalin ini selain dapat memperkukuh jaringan media, juga mampu menyokong hasrat MASA menjadi salah sebuah badan pemikir ulung yang dihormati di negara ini.



Penerbitan Buku



Penerbitan buku merupakan satu lagi bidang yang dirancang dan diusahakan oleh Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan.


Buku Felo Kehormat MASA, Tan Sri Sulaiman Mahbob bertajuk *'A Brief Reading on Malaysian Economy'* merupakan naskhah sulung yang dihasilkan oleh bahagian ini.

Buku ini merupakan koleksi rencana yang dihasilkan Tan Sri Sulaiman dan disiarkan dalam akhbar *The New Straits Times*.

Buku ini turut memuatkan beberapa artikel yang belum disiarkan serta teks ucapan penghargaan kepada Almarhum Profesor Diraja Ungku Aziz.

Artikel yang terkandung dalam buku ini memberi tumpuan kepada subjek dasar awam negara yang terus kekal relevan selain isu berkaitan pengurusan ekonomi seperti inflasi, dasar kewangan awam serta nilai ringgit.

Untuk tahun 2024, MASA bercadang menerbitkan buku yang mengandungi perutusan terpilih Perdana Menteri Kelapan, YB Tan Sri Muhyiddin Yassin.



PENGURUSAN PROGRAM

Selaras dengan mandat untuk mempromosi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), MASA terus giat menjalankan penyelidikan dan projek-projek khas serta menganjurkan program dan sesi sumbang saran bagi memacu dan memperkasa agenda pemulihan negara ke arah kemakmuran bersama serta menggalakkan percambahan dan pertukaran cadangan, maklumat dan input ke arah pembentukan dasar negara yang lebih holistik.

Bagi memastikan visi tersebut dapat dicapai, Bahagian Pengurusan Program (BPP) telah diwujudkan bagi membantu penyelarasan program dan aktiviti ilmiah anjuran MASA dan bertanggungjawab untuk memastikan kelancaran program yang telah diatur. BPP, dengan sokongan daripada bahagian-bahagian lain turut berperanan sebagai penyelaras bagi program-program *Flagship* MASA seperti Program PEMACU, Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) dan Program Felo MASA.

BPP turut membantu dalam pengurusan jaringan kerjasama dan program MoU MASA termasuk mengenal pasti pihak berkepentingan yang berpotensi menjadi rakan MASA, menjadi penghubung dengan pemegang taruh yang berkaitan dan merancang aktiviti yang sesuai bersama rakan-rakan MASA.



PEMACU

PEMACU adalah satu kempen yang dirangka oleh Institut MASA bagi mempromosikan WKB2030 sebagai agenda nasional. Ia mendapat sokongan daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai 'Pemandu' ke arah WKB2030, PEMACU berperanan untuk mengangkat semangat WKB2030 kepada kumpulan sasaran. Untuk itu, program PEMACU telah dibahagi menjadi empat segmen berdasarkan profil sasaran.


Fokus utama PEMACU adalah menyebarkan pemahaman yang jelas mengenai usaha pemerintah kepada rakyat dan pada masa yang sama, mendorong mereka untuk menjadi pemangkin dan pengaruh yang baik kepada masyarakat mereka sendiri seterusnya menjadi duta bagi WKB2030.

	BOOTCAMP	SEMINAR/ WEBINAR/ SYARAHAN UMUM	PERBINCANGAN TERARAH	BALAI RAKYAT
	PEMACU NEGARA	PEMACU WACANA	PEMACU INTELEK	
Matlamat	Memupuk kumpulan sasar untuk menjadi penggerak dan pempengaruh WKB2030	Perkongsian intelektual mengenai perkembangan terkini, isu-isu semasa dan amalan terbaik di peringkat global dan tempatan	Platform untuk mendapatkan input, idea dan maklum balas daripada pakar bidang *(subject matter expert)*	Platform berdialog dua hala antara pemimpin-pemimpin negara dan orang awam
Kumpulan sasaran	Belia (pemimpin pelajar, belia, politik akar umbi)	Ahli korporat, wakil industri, ahli akademik penjawat awam, mahasiswa, belia, NGO/I dan masyarakat umum	Ahli akademik, cendekiawan, pakar-pakar, pembuat dasar, NGO/I	Wakil industri, wakil dewan perniagaan, ahli akademik, pemimpin belia, NGO/I dan masyarakat umum

Sesi *Bean Bag*: *Key Takers & Lesson Learnt from 'Achieving SDG, Improving Livability Conference' & Experiential Learning Trip to CEMACS USM*

3 Februari 2023 | 10:00 AM – 11:00 AM

Institut Masa Depan Malaysia







Pada 3 Februari 2023, MASA telah mengadakan sesi perkongsian mengenai satu persidangan dan lawatan pembelajaran *'Achieving SDG, Improving Livability'* yang diadakan pada 13 dan 14 Januari 2023 bertempat di *Penang Institute*, Pulau Pinang.

Sesi ini telah disampaikan oleh dua Penganalisis Penyelidikan MASA, Encik Mohammad Zulhafiy Zol Bahari dan Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin, dan seorang Eksekutif Bahagian Pengurusan Program, Encik Muhammad Fadzil Anif. Seramai 27 orang kakitangan MASA telah hadir dalam sesi ini.

Sesi ini adalah bertujuan berkongsi input yang diperoleh daripada perkongsian pakar-pakar menerusi persidangan dan lawatan pembelajaran tersebut dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Antara objektif sesi ini ialah:

- Membincangkan isu dan risiko yang menggugat proses pencapaian SDG;
- Mengkaji cadangan dan strategi yang boleh dipertimbangkan dalam menyelesaikan permasalahan iklim dan alam sekitar; dan
- Membentangkan aktiviti lawatan pembelajaran ke *Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS)* USM yang terletak di Teluk Aling, Pulau Pinang.

PENGURUSAN PROGRAM

Sesi Dialog *"Governing Diversity, Multicultural Societies, And Faith: A Conversation"* Bersama Dr. Hisham A. Hellyer

8 Februari 2023 | 10.00AM-12.00 PM

Universiti Malaya



Sejajar dengan aspirasi MASA untuk menjadi sebuah badan pemikir bebas yang giat melaksanakan penyelidikan berpandukan nilai-nilai kemakmuran bersama, MASA telah menjemput Dr. Hisham A. Hellyer, Felo *University of Cambridge*, untuk menyampaikan sebuah syarahan umum yang bertajuk *'Governing Diversity, Multicultural Societies, and Faith: A Conversation'*.


Syarahan umum ini telah diadakan pada 8 Februari 2023 bertempat di Bangunan Canseleri, Universiti Malaya. Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan kepada para peserta mengenai isu-isu terkini politik dan hubungan antarabangsa di peringkat global dan hubung kait dengan Malaysia

Selain itu, syarahan umum ini juga bertujuan mendapatkan input daripada perbincangan secara khusus mengenai isu-isu semasa umat Islam dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia serta menjadikan ia sebagai platform bagi percambahan dan perkongsian mengenai topik yang dibincangkan. Penganjuran syarahan umum ini juga adalah bersempena lawatan kerja Dr. Hisham A. Hellyer dari 6 – 8 Februari 2023.









Sempena syarahan umum ini, satu kolaborasi strategik bersama Pusat Dialog Peradaban Universiti Malaya (PDPUM) juga telah dirangka sebagai salah satu usaha untuk memperluas jaringan kerjasama antara MASA dan pemegang taruh berkepentingan dan seterusnya meningkatkan keterlihatan MASA dalam bidang penyelidikan.

Felo Kehormat MASA, Prof. Datuk Dr. Azizan Baharuddin yang juga Pengarah PDPUM menjadi moderator untuk program ini.













MASA Retreat 2023

18-21 Februari 2023 | 10.00AM-12.00 PM

Desaru, Johor

MASA telah mengadakan program *MASA Retreat 2023* di *Lotus Desaru Beach Resort*, Johor dari 18 hingga 21 Februari 2023. Program ini merupakan aktiviti tahunan MASA yang bertujuan memupuk silaturahim di kalangan kakitangan MASA bagi memastikan budaya kerja berpasukan dan sinergi dalam kalangan warga kerja dapat diperkukuh bagi mencapai visi, misi dan objektif MASA.

Sejajar dengan pelaksanaan *retreat* tahunan ini, satu sesi bermodul dirancang untuk membincangkan tahap pencapaian, hala tuju serta strategi-strategi untuk tahun 2023 bagi meningkatkan ketampakan MASA sebagai sebuah badan pemikir.

Selain itu, beberapa aktiviti tambahan lain turut dilaksanakan seperti aktiviti pembinaan pasukan kepada pengukuhan kerja berpasukan, aktiviti riadah, dan sesi lawatan di sekitar Desaru. MASA turut mengadakan tinjauan penyelidikan di perkampungan nelayan dan melawat Muzium Nelayan Tanjung Balau, bagi memahami sejarah dan aktiviti sosioekonomi komuniti nelayan setempat.

Mesyuarat Hala Tuju







Tinjauan Penyelidikan





Lawatan Ilmiah









Team Building








Webinar Isu Ekonomi Semasa Sempena Belanjawan 2023

28 Februari 2023 | 10.00 AM – 12.00 PM

Zoom / *FB Live*











Objektif utama webinar ini adalah untuk membincangkan butiran Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan pada 24 Februari 2023 di samping mengenal pasti isu dan cabaran belanjawan ke arah meningkatkan kualiti hidup dan kemampanan ekonomi.

Ahli Bersekutu MASA iaitu YBrs. Encik Roshan Nigel Miranda bertindak sebagai moderator bagi webinar ini manakala tiga ahli panel telah dijemput bagi memberikan pandangan dan berkongsi kepakaran mereka mengenai topik yang dibincangkan. Mereka terdiri daripada YBrs. Dr. Zouhair Mohd Rosli dari DM-Analytics Sdn. Bhd, YBrs. Dr. Firdausi Suffian dari Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah dan YBrs. Puan Nur Syahidah Abdul Jalil yang merupakan Felo dari Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan (EMAS), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Sambutan yang diterima sangat menggalakkan yang mana seramai 283 orangmengambil bahagian menggunakan aplikasi Zoom dan *FB Live*. Mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk wakil agensi kerajaan, pakar bidang, media, wakil industri dan masyarakat umum yang mengikuti perkembangan Belanjawan 2023. Pelbagai soalan juga telah diutarakan oleh moderator dan peserta webinar berkenaan kebolehlaksanaan Belanjawan 2023.



Latihan Penyelidikan: Data Analisis: Teori dan Metode

4 Mac 2023 | 9:00 AM – 5:00 PM

Institut Masa Depan Malaysia

Sesi ini telah diadakan bagi meningkatkan kemahiran para Penganalisis Penyelidikan MASA dalam aspek metodologi dan kerangka penyelidikan kuantitatif. Berdasarkan kehendak ekosistem penyelidikan yang memerlukan kemahiran untuk menguasai pelbagai metode analisis, sesi ini telah dirangka bagi mencapai objektif utama seperti berikut:

- Memahami beberapa teori berkaitan analisis data dalam ekosistem badan pemikir *(think tank);*
- Menggunakan aplikasi sedia ada untuk melakukan *data crunching* untuk menganalisis atau memanipulasi data sekunder sedia ada;
- Mempelajari secara praktikal mengenai analisis data seperti aplikasi yang sesuai dengan subjek kajian serta bagaimana mengendalikan set data mentah; dan
- Memahami fungsi *modelling* dan *cost benefit analysis*

Sesi ini telah dikendalikan oleh Dr. Zouhair Mohd Rosli, Penganalisis Penyelidikan Kanan dari DM-Analytics Sdn. Bhd. Hasil daripada sesi ini diharap dapat diaplikasi dalam kajian-kajian MASA yang sedang dan akan berjalan.





Sesi *Bean Bag*: Kesejahteraan Kediaman Golongan Miskin Bandar: Kajian Program Perumahan Rakyat (PPR)

7 April 2023 | 10:00 AM – 11:00 AM


Institut Masa Depan Malaysia











MASA telah mengadakan sesi perkongsian mengenai 'Kesejahteraan Kediaman Golongan Miskin Bandar: Kajian Program Perumahan Rakyat (PPR)' pada 7 April 2023. Sesi ini telah disampaikan oleh lima orang pelatih Penganalisis Penyelidikan (Pelatih) MASA dan telah disertai oleh penyelidik dan kakitangan MASA seramai 13 orang.


Sesi ini diadakan bagi untuk berkongsi input yang diperoleh daripada webinar anjuran *Khazanah Research Institute* (KRI). Antaranya:

- Isu-isu dan cadangan yang telah dikenal pasti daripada dapatan kajian KRI;
- Cadangan-cadangan penambahbaikan yang diusulkan; dan
- Cadangan tambahan yang boleh menangani isu PPR secara berkesan.

Tinjauan Penyelidikan Projek 'Hak Bumiputera' dan Projek 'Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (ESCR)'

7 - 11 Mei 2023

Pulau Pinang



Dalam menjayakan dua projek penyelidikan MASA iaitu 'Hak Bumiputera' dan 'Hak Ekonomi, Sosial, dan Kebudayaan (ESCR)', MASA telah melaksanakan satu tinjauan penyelidikan sebagai salah satu usaha strategik MASA untuk mendapatkan input dan pemahaman yang lebih mendalam berkaitan projek tersebut.

Dalam tinjauan penyelidikan ini, wakil MASA telah terlibat dalam beberapa sesi libat urus dan kunjungan bersama pihak berkepentingan iaitu Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), Jaringan Ekologi dan Iklim (JEDI), dan Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah serta komuniti nelayan bagi mengenal pasti isu-isu sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh Bumiputera Pulau Pinang di peringkat akar umbi di samping bertukar pandangan berkaitan projek penyelidikan yang sedang dijalankan oleh MASA.

Tinjauan penyelidikan ini diketuai oleh Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan MASA, YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid bersama-sama wakil daripada Bahagian Penyelidikan dan Dasar serta Bahagian Komunikasi Strategik dan Pengurusan.







Majlis Penganugerahan Geran Penyelidikan Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 2.0

17 Mei 2023 | 10:00 AM - 1:00 PM

Tamu Hotel, Kuala Lumpur



Geran Penyelidikan Program Pembangunan Dasar MASA atau *MASA Policy Development Programme* (MPDP) merupakan geran penyelidikan yang diperkenalkan buat pertama kalinya pada September 2021.

Program ini diteruskan untuk kohort kedua (MPDP 2.0) pada tahun ini dan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan. Sebanyak 27 kertas cadangan MPDP 2.0 telah terpilih daripada sejumlah 254 kertas cadangan yang dikemukakan oleh 29 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/IPTS). Bagi meraikan penerima-penerima geran yang berjaya, majlis penganugerahan geran MPDP 2.0 ini telah dijalankan dengan matlamat berikut:

- Penyampaian amanat oleh Pengerusi MASA kepada penerima geran;
- Penyampaian sijil rasmi kepada penerima geran; dan
- Sebagai satu platform ramah mesra antara warga MASA bersama pemohon geran yang berjaya.

Majlis ini telah berjaya diadakan pada 17 Mei 2023 bertempat di *Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur* dan disempurnakan oleh YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd Yassin, Pengerusi MASA dan turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA, Ketua Pegawai Eksekutif MASA serta wakil-wakil media.

Dalam majlis ini, YB Tan Sri telah menyatakan harapan agar program MPDP yang diperkenalkan oleh MASA ini dapat menghasilkan kajian penyelidikan yang konstruktif dan berimpak tinggi sekali gus menyumbang ke arah pembangunan sosioekonomi negara serta menyebarluaskan gagasan kemakmuran bersama demi manfaat rakyat.


Penerima:
DR. ZALINA ZAKARIA


Majlis Penganugerahan
Geran Penyelidikan
Program Pembangunan Dasar MASA


MUHAMMAD BAQIR ABDUL
Universiti Islam Antarabangsa




DR. ONG SHEUE LI
Universiti Malaya (UM)


YB TAN SRI
BIN HA
Pengerusi In
17 Mei 2023
Hotel & Suites
TAMU






Makmur Bersama



Sesi *Bean Bag: Learning Experiential from the ASEAN Youth Economy Forum (AYEF) 2023*

26 Mei 2023 | 10:00 AM – 11:00 AM


Institut Masa Depan Malaysia



Suatu sesi perkongsian mengenai '*Learning Experience from the ASEAN Youth Economy Forum* (AYEF) *2023*' telah diadakan pada 26 Mei 2023 dan disampaikan oleh Encik Mohammad Zulhafiy Zol Bahari, Penganalisis Penyelidikan (Sosial) MASA dan telah dihadiri oleh 20 kakitangan MASA termasuk Penganalisis Penyelidikan.

Sesi perkongsian ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai isu-isu berikut:

- Konsep ekonomi kitaran dan potensinya untuk memacu pertumbuhan ekonomi, pemuliharaan alam sekitar, dan kemajuan sosial di ASEAN dan Jepun;
- Keperluan untuk bekerjasama dan perkongsian pengetahuan di kalangan negara ASEAN dan Jepun; dan
- Strategi untuk melaksanakan amalan mampan dalam pelbagai industri dan memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk pembangunan mampan.







Bengkel Penulisan Kertas Polisi Bagi Penerima Geran MPDP 2.0

12 Jun 2023 | 8:00 AM - 4:00 PM

Universiti Malaya



Bengkel ini merupakan satu program pembangunan kapasiti di bawah MPDP 2.0 yang bertujuan memberi pendedahan kepada penerima geran berkaitan penyelidikan dasar awam di Malaysia.

Bengkel ini telah diadakan di Auditorium Rimba Ilmu, Universiti Malaya pada 12 Jun 2023 dan dihadiri oleh seramai 43 penerima geran dan penyelidik bersama MPDP. Tiga modul telah dibentangkan oleh YBrs. Dr. Khalid Abdul Hamid, Ketua Bahagian Dasar dan Penyelidikan.

Matlamat utama penganjuran bengkel ini adalah untuk:

- Memberikan ilmu pengetahuan kepada penyelidik berkaitan teknik/tatacara penulisan ringkasan polisi yang efektif; dan
- Menjelaskan garis panduan penulisan ringkasan dasar mengikut format MPDP 2.0.

Program ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif MASA serta warga MASA.







Sesi *Bean Bag*: Taklimat Mengenai Tuntutan Kerja Lebih Masa

16 Jun 2023 | 10:00 AM – 11:00 AM

Institut Masa Depan Malaysia



MASA telah mengadakan sesi *bean bag* bertajuk 'Taklimat Mengenai Tuntutan Kerja Lebih Masa' pada 16 Jun 2023.

Sesi ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Fikri Farudin, Eksekutif Perkhidmatan Korporat dan seramai 27 orang staf MASA hadir pada sesi ini.

Sesi *bean bag* ini diadakan untuk memberikan penerangan lanjut tatacara dan proses tuntutan kerja lebih masa mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan.









Sesi *Bean Bag*: Bengkel Penulisan Ucapan Bersama Datuk Dr. Marzuki Mohamad

16 Jun 2023 | 10:00 AM – 12:00 AM

Institut Masa Depan Malaysia

Pada 27 Jun 2023, MASA telah menganjurkan satu sesi *bean bag* bertajuk 'Bengkel Penulisan Ucapan bersama YBhg. Datuk Dr. Marzuki Mohamad'. Beliau merupakan ahli Lembaga Pemegang Amanah MASA.

Sesi ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran para penganalisis penyelidikan untuk menguasai aspek tatacara penulisan khususnya dalam penyediaan ucapan.

Dalam sesi tersebut, Datuk Dr. Marzuki telah menekankan kepentingan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dan dilaksanakan dengan berkesan dalam semua penghasilan ucapan sama ada secara bertulis atau lisan.

Pada akhir sesi tersebut, Datuk Dr. Marzuki memberi saranan kepada para Penganalisis Penyelidikan untuk melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan bahasa kebangsaan yang baik dari segi ejaan, sebutan, istilah dan tatabahasa serta menghayati aspirasi penggunaannya.







Webinar Memahami Kemiskinan di Malaysia: Punca, Akibat dan Penyelesaian

11 Julai 2023 | 10.00 AM – 12.00 PM

Zoom / *FB Live*

Webinar 'Memahami Kemiskinan di Malaysia: Punca, Akibat dan Penyelesaian' telah diadakan pada 11 Julai 2023 secara dalam talian bagi membincangkan isu kemiskinan yang boleh dikatakan bersifat secara berstruktur iaitu permasalahan kemiskinan yang disebabkan oleh kelemahan pelbagai sistem. Webinar ini turut membahaskan isu dan cabaran ke arah peningkatan kualiti hidup dan kemampanan kehidupan rakyat.

Ahli Bersekutu MASA iaitu YBrs. Cik Elisa Shafiqah Shahrilnizam dipilih sebagai moderator manakala tiga ahli panel telah dijemput bagi memberikan pandangan dan berkongsi kepakaran mereka mengenai topik yang dibincangkan.

Dua daripada ahli panel jemputan adalah Felo MASA iaitu YBhg. Prof. Dr. Fatimah Kari dari Universiti Malaya dan YBhg. Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail dari Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaysia Kelantan. YBrs. Tuan Haji Azlan Awang yang merupakan Felo Kanan di Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) serta Penyelidik dan Jurubicara bagi Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) turut menyertai barisan ahli panel bagi webinar ini.















Webinar Isu dan Cabaran Pendidikan Alaf Baharu: Ke Manakah Kita?

14 Julai 2023 | 10.00 AM – 12.00 PM

Zoom / *FB Live*

Webinar 'Isu dan Cabaran Pendidikan Alaf Baharu: Ke Manakah Kita?' ini telah diadakan pada 14 Julai 2023 secara dalam talian untuk mengupas dan membincangkan permasalahan pendidikan alaf baharu serta membahaskan langkah penting yang perlu diambil untuk melahirkan pelajar berkualiti tinggi di samping memperkukuhkan sistem pendidikan pada alaf kini untuk masa akan datang.

Secara khususnya, webinar ini dianjurkan bagi mencapai objektif berikut:

- Mengenal pasti punca kurangnya minat pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran;
- Membincangkan isu dan langkah-langkah menangani cabaran pendidikan alaf baharu demi melahirkan tenaga berkemahiran tinggi; dan
- Menyediakan platform kepada pihak berkepentingan (akademik, pemain industri, pembuat dasar) ke arah memperkukuh sistem pendidikan alaf baharu di Malaysia.

Ahli Bersekutu MASA iaitu YBrs. Cik Siti Aishah Hassan Hasri merupakan moderator bagi webinar ini manakala tiga ahli panel telah dijemput bagi memberikan pandangan dan berkongsi kepakaran mereka.

Mereka terdiri daripada YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Dzulkifli Abdul Razak selaku Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia merangkap Felo Kehormat MASA, YBhg. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim selaku Pengarah *Southeast Asian Ministers of Education Organization Secretariat (SEAMEO Secretariat)* merangkap Felo Kehormat MASA dan YBrs. Dr. Bity Salwana Alias yang merupakan Pengerusi Pusat Kajian Kepimpinan dan Polisi Pendidikan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.



Sesi Bean Bag: Mesyuarat Penyelarasan Pengenalpastian Isu dan Risiko Rasuah

22 September 2023 | 10:00 AM – 11:00 AM

Institut Masa Depan Malaysia



Suatu *sesi bean* bag mengenai 'Mesyuarat Penyelarasan Pengenalpastian Isu dan Risiko Rasuah' telah diadakan pada 22 September 2023 dan disampaikan oleh penganalisis penyelidikan MASA, Puan Maryam Husna Maznorzuhairi dan Cik Nur Zalikhaa' Zainal Abidin. 15 kakitangan MASA telah hadir dalam sesi ini.

Antara topik yang dibincangkan dalam sesi tersebut ialah:

- Isu dan risiko yang telah dikenal pasti daripada Mesyuarat Penyelarasan dan Pengenalpastian Isu dan Risiko Rasuah Siri 1;
- Cadangan dan strategi yang boleh dipertimbangkan dalam merangka dokumen strategi pembanterasan rasuah peringkat nasional; dan
- Cadangan tambahan berhubung intervensi yang bersesuaian dalam pembentukan strategi pembanterasan rasuah negara.








Majlis Penganugerahan
Geran Penyelidikan
Program Pembangunan Dasar MASA
(MPDP) 2.0

INSTITUT MASA DEPAN MALAYSIA

Institut Masa Depan Malaysia (MASA)
192, Jalan Ara, Bukit Bandaraya, 59100 Kuala Lumpur

03-2388 1059 03-2388 1049 info@institutmasa.com

institutmasa.com